

16 SEP 1997

MAHATHIR ADAKAN PERTEMUAN DENGAN PRESIDEN SRI LANKA

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Chandrika Bandaranaike Kumaratunga mengetuai delegasi masing-masing ke mesyuarat antara Malaysia dan Sri Lanka di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Delegasi Malaysia seramai 16 anggota mengandungi pegawai tinggi kerajaan termasuk Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Manakala delegasi Sri Lanka pula mengandungi 15 anggota termasuk Menteri Luarnya Lakshman Kadirgamar dan pengerusi Lembaga Pelaburan Sri Lanka, Tilan Wijesinghe.

Terdahulu, Kumaratunga yang tiba semalam untuk lawatan rasmi empat hari ke Malaysia, membuat kunjungan hormat terhadap Dr Mahathir di pejabatnya.

Kedua-dua pemimpin itu akan menyaksikan upacara menandatangani perjanjian kerajaan antara kerajaan iaitu Perjanjian Kerjasama Ekonomi, Sains dan Teknikal, Perjanjian Elakan Cukai Berganda dan Perjanjian Pencegahan Elakan Fiskal berhubung percukaian pendapatan.

Empat memorandum persefahaman juga akan ditandatangani antara sektor swasta Malaysia dan Lembaga Pelaburan Sri Lanka -- cadangan pembangunan bandar perindustrian, zon perindustrian, taman sains dan projek pembesaran lapangan terbang Colombo dan promosi perusahaan multimedia.-- Bernama

MAM oba